

# Anugerah Kecemerlangan 2017

**KELAB TaHa**



Pencalonan Anugerah Kecemerlangan Kelab TaHa 2017 kini dibuka!

Anugerah dibahagikan mengikut tiga kategori peperiksaan iaitu UPSR, PT3 dan SPM adalah terbuka kepada pelajar cemerlang yang menduduki peperiksaan berkenaan pada tahun 2016. Calon-calon mestilah memperoleh pencapaian minimum 5A untuk UPSR, 8A untuk PT3 dan 9A untuk SPM.

Hanya pelajar yang telah menjadi ahli Kelab TaHa sekurang-kurangnya pada tahun 2016 sahaja layak dicalonkan untuk menerima anugerah ini.

Selain cemerlang akademik, pelajar juga mestilah menunjukkan sahsiah terpuji, aktif dalam kegiatan kokurikulum dan menyertai program Kelab TaHa serta aktif menabung dalam Tabung Haji.

Hanya 100 orang pelajar cemerlang (50 orang pelajar UPSR, 30 orang pelajar PT3 dan 20 orang pelajar SPM) akan dipilih untuk menerima wang tunai yang akan dikreditkan terus ke Akaun Tabung Haji pendeposit.

#### SYARAT DAN PERATURAN:

1. Pelajar mestilah telah menjadi ahli Kelab TaHa sekurang-kurangnya pada tahun 2016.
2. Pelajar perlu melengkapkan borang permohonan yang boleh dimuat turun melalui laman web **TH** atau diperoleh di mana-mana pejabat **TH** yang berhampiran.
3. Pelajar juga perlu melengkapkan slogan di dalam borang penyertaan.
4. Pelajar dikehendaki menyertakan salinan kad pengenalan, sijil/slip peperiksaan UPSR/PT3/SPM, sijil kegiatan kokurikulum, sijil penyertaan program Kelab TaHa yang pernah disertai serta nombor keahlian Kelab TaHa.
5. Anak-anak anggota Lembaga Tabung Haji **TIDAK LAYAK** menyertai pencalonan anugerah ini.
6. Borang-borang yang tidak lengkap, tidak jelas, tidak mematuhi syarat dan peraturan akan dibatalkan penyertaannya.
7. Tarikh tutup penyertaan adalah seperti berikut:-
  - Kategori UPSR, PT3 dan SPM - 25 April 2017
8. Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.
9. Keputusan penganjur adalah muktamad. Segala bantahan atau rayuan dalam apa jua bentuk tidak akan dilayan.

## BORANG PENYERTAAN

Tandakan kategori penyertaan:

Sertakan salinan dokumen berikut:-

- \* Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran
- \* Sijil keputusan UPSR/PT3/SPM
- \* Sijil Kokurikulum
- \* Sijil Penyertaan Program Kelab TaHa

*\*semua salinan sijil perlu disahkan oleh Guru Besar/Pengetua*

**UPSR**     **PT3**     **SPM**

Hantarkan penyertaan ke alamat:

### ANUGERAH KECEMERLANGAN KELAB TaHa 2017

Tabung Haji Contact Centre (THCC)  
TM@Damansara, 73, Jalan Damansara,  
60000, Kuala Lumpur.

Hubungi THCC: **03-6207 1919** (tel) **03-7728 4959** (fax) **th-info@lth.gov.my** (emel)

Nama Penuh: \_\_\_\_\_

Umur: \_\_\_\_\_ No. MyKad/MyKid: \_\_\_\_\_ No. Telefon/Bimbit: \_\_\_\_\_

No. Ahli Kelab TaHa: \_\_\_\_\_ No. Akaun **TH**: \_\_\_\_\_

Alamat Surat-Menyurat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Nama dan Alamat Sekolah: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ No. Tel: \_\_\_\_\_

*Lengkapkan slogan:*

**Aktiviti-aktiviti Kelab TaHa amat menyeronokkan kerana**

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_